











POLIGON

1. **Poligon** ialah bentuk **dua matra** (2-D) yang **tertutup** dengan sisi-sisi **garis lurus**.
2. **Poligon sekata** ialah poligon dengan sisi-sisi yang **sama panjang**.
3. **Bucu** (*vertex*) ialah titik pertemuan dua sisi.
4. **Pepenjuru** (*diagonal*) ialah garis lurus yang menyambungkan dua bucu yang **tidak bersebelahan**.
5. **Paksi simetri** ialah garis yang membahagikan sesuatu objek kepada **dua bahagian yang sama**.


Sifat-sifat poligon sekata

Poligon sekata	Bil sisi = bil bucu	Bil paksi simetri	Bil pepenjuru
Segitiga sama sisi (<i>Equilateral triangle</i>) 	3	3	0
Segiempat sama (<i>Quadrilateral</i>) 	4	4	2
Pentagon 	5	5	5
Heksagon (<i>Hexagon</i>) 	6	6	9
Heptagon 	7	7	14
Octagon 	8	8	20

Sifat-sifat segitiga

	Segitiga sama sisi (Equilateral Δ) Sifat-sifat: <ul style="list-style-type: none">• Ketiga-tiga sisi sama panjang, $AB = BC = AC$.• Setiap sudut dalamnya = 60°, $\angle A = \angle B = \angle C = 60^\circ$.
	Segitiga sama kaki (isosceles Δ) Sifat-sifat: <ul style="list-style-type: none">• Dua daripada sisi-sisinya sama panjang, $AB = AC$.• Dua sudut bertentangan dengan dua sisi yang sama panjang adalah sama saiz, $\angle B = \angle C$.
	Segitiga tak sama kaki (scalene Δ) Sifat-sifat: <ul style="list-style-type: none">• Ketiga-tiga sisi tidak sama panjang.
	Segitiga bersudut tegak (right angle Δ) Sifat-sifat: <ul style="list-style-type: none">• Salah satu sudut dalamnya ialah sudut tegak $\angle ACB = 90^\circ$.
	Segitiga bersudut tirus Sifat-sifat: <ul style="list-style-type: none">• Ketiga-tiga sudut dalamnya ialah sudut tirus.
	Segitiga bersudut cakah Sifat-sifat: <ul style="list-style-type: none">• Salah satu sudut dalamnya ialah sudut cakah, $\angle ACB$.

2.



Jumlah sudut-sudut dalam segitiga rajah di atas ialah 180° iaitu

$$\angle x + \angle y + \angle z = 180^\circ$$

3. **Sudut peluaran** = hasil tambah dua sudut pedalaman yang bertentangan, iaitu

$$\angle p = \angle x + \angle y.$$

Sifat-sifat sisiempat (Quadrilaterals)

1. 	<p>Sisiempat tepat (rectangle) Sifat-sifat :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiap sisi yang bertentangan adalah sama panjang dan selari. • Setiap sudut dalamnya = 90°.
	<p>Sisiempat sama (square) Sifat-sifat :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua sisi sama panjang. • Setiap sudut dalamnya = 90°.
	<p>Sisiempat selari (parallelogram) Sifat-sifat :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiap sisi yang bertentangan adalah sama panjang dan selari. • Setiap dua sudut yang bertentangan adalah sama saiz.
	<p>Rombus (rhombus) Sifat-sifat :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua sisi sama panjang. • Setiap sisi yang bertentangan adalah selari. • Pepenjuru-pepenjuru bersilang pada sudut tegak.
	<p>Trapezium Sifat-sifat :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dua daripada sisinya adalah selari.

2.



Jumlah sudut-sudut bagi sisiempat dalam rajah di atas ialah 360° iaitu

$$\angle a + \angle b + \angle c + \angle d = 360^\circ$$


Sudut poligon

1. Sudut peluaran poligon ialah penggenap kepada sudut pedalaman dan sebaliknya iaitu

$$\angle x + \angle y = 180^\circ$$



2.



Hasil tambah sudut peluaran sebuah poligon ialah 360° iaitu $\angle a + \angle b + \angle c + \angle d + \angle e = 360^\circ$